


# Warisan

BILANGAN 2

KDN 7890

DISEMBER 1975



diterbitkan oleh

PERSATUAN SEJARAH MALAYSIA  
CAWANGAN NEGERI SEMBILAN

# WariSam

Persatuan Sejarah  
Negeri Sembilan  
Jalan 10, Bandar Negeri Sembilan  
Selangor.

---

BILANGAN 2

KDN 7890

DISEMBER 1975

---

## KANDUNGAN

1. Jawatankuasa Kerja Persatuan Sejarah Malaysia Cawangan Negeri Sembilan	halaman 2
2. Rencana Pengarang	halaman 3
3. Sistem Politik Negeri Sembilan <b>Dr. Khoo Kay Kim, Ph.D.</b>	halaman 4
4. Perang Bukit Putus 1875 — 1876 <b>William Jalleh, B.A. (Hons.), PJM, PJK.</b>	halaman 12
5. Sejarah Sekolah-Sekolah Di Negeri Sembilan	halaman 17
6. Masjid Tua Kampung Tengah <b>Mohd. Ali bin Isa</b>	halaman 38

*gambar kulit:* Bangunan Muzium Negeri, Negeri Sembilan

**JAWATANKUASA KERJA  
PERSATUAN SEJARAH MALAYSIA  
CAWANGAN NEGERI SEMBILAN**

<i>Penaung</i>	YAB Datuk Mansor bin Othman, KMN, PJK. Menteri Besar Negeri Sembilan.
<i>Yang Dipertua</i>	YB Encik Mohd. Saffian bin Haji Abdul Majid, KMN, PPT.
<i>Naib Yang Dipertua</i>	Encik Idris bin Haji Tain, PPT.
<i>Setiausaha Kehormat</i>	Encik Ismail bin Haji Adnan.
<i>Penolong Setiausaha Kehormat</i>	Encik Musa bin Wahab, PJK.
<i>Bendahari Kehormat</i>	Encik Tan Ghee Peng.
<i>Ahli-Ahli Jawatankuasa</i>	Encik B. H. Tan, JMN, JP, PJK, O.S.T.J. Encik Wan Jaafar bin Abdullah, PPT. Encik William Jalleh, PJM, PJK. Encik Mohd. Said bin Haji Mohd. Radzi. Encik Mohd. Zain bin Haji Rais. Encik Ahmad bin Janor. Encik Mohammad bin Maarof. Tuan Syed Jaafar bin Syed Abdul Rahman. Encik R. Visvanathan. Cik Noraini binti Ali. Cik Vicki Muthu, PJK.
<i>Pengarang Kehormat</i>	Datuk Sutan Bendahara Mohd. Shariff bin Fakih Hassan, PJK, PPN. Cik Sharifah Nor binti Puteh.

**JAWATANKUASA KECIL PENERBITAN**

<i>Pengerusi</i>	Encik Mohd. Said bin Haji Mohd. Radzi.
<i>Setiausaha</i>	Encik Ismail bin Haji Adnan
<i>Pengurus</i>	Encik Tan Ghee Peng.
<i>Ahli-Ahli</i>	Encik William Jalleh, PJM, PJK. Datuk Sutan Bendahara Mohd. Shariff bin Fakih Hassan, PJK, PPN. Encik Musa bin Wahab, PJK. Cik Sharifah Nor binti Puteh.

## RENCANA PENGARANG

Keperluan sebuah Muzium Negeri Sembilan yang benar-benar berfungsi jelas diperlihatkan melalui pendapat-pendapat umum yang tersiar di akhbar-akhbar tempatan. Saudara Isbiha dalam tulisannya MUZIUM NEGERI PERLU DIBERI WAJAH BARU (Berita Harian, 20hb. November, 1975) telah mengemukakan beberapa pendapat orang-orang tempatan yang menyatakan bahawa Muzium Negeri yang ada sekarang tidak dapat memenuhi tugas dan fungsinya dengan wajar, bukan sahaja dari segi bangunannya yang kecil dan telah uzur, tetapi juga dari segi kedudukannya dan bahan-bahan yang dipamirkannya.

Ekoran dari itu, Saudara S.M. Hata telah menulis FUNGSI DAN SUSUNAN BAGI SEBUAH MUZIUM (Berita Harian, 13hb. Disember, 1975) yang antara lain telah menyebut, "Ramai tokoh-tokoh terkenal, baik kebudayaan, kesenian, sejarah dan juga para peminat menyuarakan hasratnya supaya muzium itu (Muzium Negeri Sembilan) diberi perhatian yang sewajarnya."

Sebenarnya hasrat mereka itu bukanlah tidak mendapat perhatian dari Kerajaan Negeri Sembilan. Ini terbukti dengan adanya mesyuarat-mesyuarat Lembaga Muzium Negeri yang melibatkan penyertaan beberapa jabatan kerajaan, khusus untuk membicarakan soal-soal berhubung dengan penyusunan pentadbiran dan penyelenggaraan Muzium Negeri ini.

Persatuan Sejarah Malaysia Cawangan Negeri Sembilan sendiri telah menge-mukakan satu kertaskerja awal berhubung dengan penyusunan bahan-bahan Muzium tersebut untuk dibincangkan. Adalah diharapkan kertaskerja itu dapat menjadi titik tolak kepada pelaksanaan penyusunan semula Muzium Negeri, dan dalam hubungan ini diharapkan kepada Kerajaan Negeri untuk mengambil inisiatif utama.

Sesungguhnya negeri ini mempunyai banyak bahan-bahan yang menarik dan penting untuk dipamirkan di dalam Muzium Negeri, tetapi untuk mengusaha-kan pengumpulan dan penyusunan yang benar-benar sempurna pastilah memerlukan banyak usaha, tenaga, kewangan, malah pengurusan.

Cawangan ini percaya projek serupa ini dapat dijayakan sekiranya Kerajaan Negeri dapat mengambil daya utama, di samping melibatkan penyertaan secara aktif jabatan-jabatan kerajaan, orang-orang perseorangan, kalangan swasta, dan badan-badan sukarela yang terdapat di negeri ini.

Sekiranya projek ini dapat dijayakan, ianya akan dapat membanggakan Negeri Sembilan, bukan sahaja kerana mempunyai sebuah Muzium Negeri yang lengkap dan tersusun dengan rapi, tetapi juga dapat menarik lebih ramai lagi pelancung-pelancung yang sebahagiannya dapat mengukuhkan perkembangan ekonomi dan pembangunan negeri ini.

# SISTEM POLITIK NEGERI SEMBILAN \*

oleh

Dr. Khoo Kay Kim, Ph.D.

Ketua Jabatan Sejarah Universiti Malaya

Keindividualan masyarakat Negeri Sembilan kerana Adat Perpatihnya memang diketahui umum. Tetapi selain daripada aspek kebudayaan yang diamalkan oleh orang Minangkabau, pada keseluruhannya tidak ramai yang sungguh-sungguh memahami institusi sosial dan politik yang wujud di Negeri Sembilan. Tulisan-tulisan mengenai Adat Perpatih bukan kecil bilangannya, tetapi kebanyakannya tulisan-tulisan itu lebih menitikberatkan adat resam daripada sosiologi masyarakat Negeri Sembilan. Dalam lain perkataan, tulisan-tulisan yang bersifat *descriptive* lebih banyak daripada tulisan-tulisan yang cuba memberikan analisa tentang organisasi dan struktur masyarakat Minangkabau sebagaimana yang terdapat di Negeri Sembilan. Dan mungkin yang paling jelas sekali pengajian tentang sistem politiknya biasa diabaikan.

Maka dalam kertaskerja ini, suatu percubaan akan dibuat untuk membincangkan sistem politik Negeri Sembilan dari dua segi — yang pertama, dari segi strukturnya berasaskan aturan-aturan yang telah disusun pada tahap awal kewujudan Negeri Sembilan sebagai sebuah kerajaan yang bebas dan, yang kedua, dari segi perjalanan sistem tersebut. Sejarah Negeri Sembilan meliputi suatu jangka masa tidak kurang daripada 200 tahun. Tetapi dalam perbincangan ini tumpuan akan diberikan kepada zaman yang lebih awal bukan kerana Negeri Sembilan sudah kehilangan keperibadiannya sekarang tetapi kerana apa yang lebih penting bukan perkembangan sejurus selama 200 tahun tetapi sistem politik asli Negeri Sembilan pada dasarnya. Perlu diakui, penetapan pentadbiran Inggeris mulai 1870an telah dengan beransur-ansur membawaakan perubahan yang amat penting tetapi kalau dilihat hanya dari segi sistem politik, maka pada asasnya tidak terdapat perubahan yang begitu radikal sehingga sistem lama sama sekali dikhikis dan yang tinggal hanyalah unsur-unsur yang diperkenalkan oleh British. Namun demikian, dalam kertaskerja ini akan disentuh juga keadaan yang wujud selepas kedatangan kuasa Inggeris walaupun secara ringkas supaya hakikat zaman sekarang tidak dibiarkan kabur.

## Asal-usul

Mungkin tidak merugikan kalau disini diulangi perihal asal-usul Negeri Sembilan supaya diadakan *setting* yang tepat bagi perbincangan mengenai sistem politiknya. Negeri Sembilan sebagai sebuah kerajaan muncul pada pertengahan yang kedua abad ke 18 apabila Raja Melewar dilantik sebagai Yang Dipertuan Besar. Dipercayai ini berlaku pada tahun 1773, tetapi sebenarnya tarikh itu belum dapat dipastikan lagi. Negeri-negeri yang telah bersekutu untuk mewujudkan Kerajaan Negeri Sembilan adalah berlaku pada masa pembubaran Kerajaan Johor.

\* Kertaskerja ini diasaskan kepada buku saya *The Western Malay States*, Kuala Lumpur, 1972 dan kertas kerja berjodol "Negeri Sembilan: Its Origin and Development till 1869" yang telah diajukan kepada International Conference on Asian History yang berlangsung di Universiti Malaya, Kuala Lumpur, pada bulan Ogos, 1968; dan telah dibentangkan di dalam Seminar Pensejarahan dan Adat Perpatih anjuran Majlis Belia Negeri Sembilan yang berlangsung di Sekolah Datuk Abdul Razak, Seremban, pada bulan April 1974.

Harus diperhatikan bahawa pada abad yang ke 18 telah muncul beberapa kerajaan baharu selain daripada Negeri Sembilan di Semenanjung Tanah Melayu — Trengganu pada awal abad ke 18, Kelantan lebih kurang pada pertengahan abad ke 18 dan Selangor pada tahun 1763. Trengganu dan Selangor juga merupakan dua buah jajahan Kerajaan Johor yang telah menegaskan kebebasannya pada abad ke 18. Kedudukan politik Kelantan sebelum dikuasai oleh Long Yunus tidak begitu jelas. Pembubaran Kerajaan Johor berlaku pada masa orang Bugis semakin berkuasa di Johor dan adalah difahamkan bahawa itulah merupakan sebab utama mengapa orang Minangkabau di Negeri Sembilan mengambil keputusan untuk mengakhiri hubungannya dengan Kerajaan Johor. Maka orang Minangkabau memandang kembali ke Negeri Minangkabau, Sumatra, bagi memperolehi keabsahan untuk kerajaan yang akan ditubuhkan itu.

Tentang apakah yang sebenarnya berlaku pada masa orang Minangkabau di Semenanjung itu cuba mencari seorang anak raja dari Pagar Ruyong untuk mengepalai Kerajaan Negeri Sembilan, masih belum terdapat keterangan-keterangan yang persis. Tetapi sudah dapat ditentukan bahawa ada beberapa orang anak raja yang tiba sebelum Raja Melewar. Mereka itu didapati tidak sesuai dan dalam pada itu, pembagian berlaku diantara negeri-negeri yang ingin bersekutu itu. Walau bagaimanapun dengan ketibaan Raja Melewar, kyonnya pada tahun 1773, dan setelah berlakunya persaingan, persetujuan dapat dicapai dan dengan itu maka terlahirlah Kerajaan Negeri Sembilan.

Suatu perkara lagi yang masih kabur ialah tentang *identity* negeri-negeri yang mula-mula sekali bersekutu untuk menubuhkan Kerajaan Negeri Sembilan. Perkara ini pernah dibincangkan dengan panjang lebar tetapi masih belum dijumpai keterangan yang konkrit. Walau bagaimanapun dipercayai bahawa negeri-negeri itu adalah seperti yang berikut: Sungai Ujung, Rembau, Johol, Jelebu, Naning, Segamat, Ulu Pahang, Jelai, dan Klang. Tetapi *identity* negeri-negeri itu tidak begitu penting. Apa yang lebih mustahak ialah sistem politik yang diwujudkan pada masa lahirnya kerajaan baharu itu.

### Struktur Politik Pada Dasarnya

Sebagaimana diketahui umum Kerajaan Negeri Sembilan sebenarnya merupakan suatu persekutuan sembilan buah negeri-negeri, iaitu walaupun negeri-negeri itu telah bermuafakat untuk mewujudkan sebuah kerajaan, setiap negeri tetap mengekalkan otonominya. Ertinya setiap negeri sanggup patuh kepada kerajaan pusat tetapi kerajaan pusat tidak diberi hak mentadbirkan negeri-negeri itu secara langsung. Dan kerajaan pusat pada masa itu memang tidak ditubuhkan dengan rapi sebagaimana keadaan sekarang. Kerajaan pusat pada dasarnya dilambangkan oleh Yang Dipertuan Besar dan istitusi itu hanya mempunyai suatu fungsi utama iaitu untuk memelihara perpaduan Negeri Sembilan. Yang Dipertuan Besar juga wujud sebagai lambang keadilan. Maka ditetapkan bahawa:

..... Raja itu tiada mempunyai negeri dan tiada boleh mencukukai kharajat, melainkan berkeadilan sahaja serta permakanannya duit sesuku, beras dua gantang, nyior setali.

Di bawah Yang Dipertuan Besar ialah Datuk Penghulu, ketua setiap negeri (atau lebih tepat lagi dikenali sebagai luak). Dapat diandaikan bahawa pada masa Kerajaan Negeri Sembilan ditubuhkan ada sembilan orang Datuk Penghulu kesemuanya. Di kalangan para Datuk Penghulu terdapat susunpangkat yang jelas. Yang mempunyai status lebih tinggi sedikit ialah Datuk Penghulu Sungai Ujung, Je'ebu, Johol dan Rembau. Sebenarnya, mereka ini mempunyai gelaran yang lebih tepat — Datuk Kelana Putra untuk Sungai Ujung, Lela Maharaja atau Sedia

**NORHALIM HJ IBRAHIM**

*Pensyarak*

( 5 )

Jab. Sains Kemasyarakatan dan Pembangunan

Fakulti Ekologi Manusia

Universiti Putra Malaysia

43400 Serdang Selangor

Raja untuk Rembau, Datuk Mendika Menteri Akhir Zaman untuk Jelebu dan Johan Pahlawan Lela Perkasa Setiawan untuk Johol. Mereka inilah yang diberi wibawa untuk melantik Yang Dipertuan Besar. Oleh sebab itu mereka dikenali sebagai Penghulu Berlantik. Di antara keempat-empat orang Datuk Penghulu itu Datuk Kelana menduduki tempat yang agak tinggi sedikit kerana beliau dikenali sebagai 'abang'. Pada keseluruhannya sis.em susunpangkat di Negeri Sembilan dapat dijelaskan begini:—

Alam nan beraja,  
Luak nan berpenghulu,  
Suku bertua (berlembaga),  
Anak buah berbuapak.

Hanya ada beberapa perkara asas yang harus diuaskan. Yang paling penting sekali ialah kenyataan bahawa orang Minangkabau di Negeri Sembilan terdiri daripada 12 suku. Ini berbeza dengan keadaan di Minangkabau. Suma'ra, di mana hanya terdapat 4 suku (maka oleh sebab itulah setiap unit itu dipanggil suku). 'Suku' itu merupakan suatu golongan di dalam mana hubungan anggota-anggotanya berasaskan ikatan kekeluargaan (kinship ties). Maka 'suku' tidak mempunyai asas *territorial*. Dalam sistem sosio-politik Negeri Sembilan dari bawah (jaitu rumpun, ruang, perut) sehingga suku, ikatan kekeluargaan merupakan unsur utama yang mengendalikan kehidupan orang Minangkabau. Maka di setiap peringkat dilantik ketua-ketua untuk mengepalai setiap unit kekeluargaan. Pendekata buapak atau lembaga tidak diberikan pegangan *territorial* yang tertentu. Berbeza sekali dengan keadaan diperingkat atas. Kedudukan Datuk Penghulu memang tetap berdasarkan ikatan kekeluargaan kerana calun-calun untuk gelaran itu berasal daripada suku-suku yang tertentu, misalnya, calun untuk gelaran Datuk Kelana semestinya berasal daripada Suku Biduanda (Waris) Hilir atau Ulu dan calun untuk gelaran Datuk Penghulu Rembau semestinya berasal daripada Suku Biduanda Jaikun atau Jawa. Namun demikian, wibawa yang diberikan kepada Datuk Penghulu tidak terhad kepada golongan kekeluargaan sahaja. Setiap orang Datuk Penghulu mempunyai pegangan *territorial* yang tertentu, misalnya, pegangan Datuk Kelana ialah Sungai Ujung; pegangan Datuk Mendika Menteri Akhir Zaman ialah Jelebu. Dan walaupun kehidupan anak buah dikendalikan oleh ikatan kekeluargaan, oleh kerana mereka terpaksa tinggal di satu-satu tempat yang tertentu maka dalam hubungan politik mereka perlu patuh kepada Datuk Penghulu di tiap-tiap sebuah luak.

Kedudukan Yang Dipertuan Besar juga berdasarkan organisasi *territorial* kerana baginda adalah ketua Kerajaan Negeri Sembilan yang mempunyai sempadan dan memang terletak pada suatu kawasan yang tertentu iaitu kawasan sembilan buah negeri yang bersekutu untuk mewujudkan Alam Negeri Sembilan. Tambahan pula selama beberapa tahun tidak seperti organisasi sosial diperingkat bawah yang berdasarkan warisan *matrilineal*, di puncak sistem politik tiap-tiap seorang Yang Dipertuan Besar dilantik dari Pagar Ruyung dan kemudian diantara anak-anak raja tempatan berdasarkan prinsip *patrilineal*. Jelas sekali, sistem sosio-politik Negeri Sembilan merupakan suatu percontuman diantara Adat Perpatih dengan amalan-amalan yang terdapat di negeri-negeri Melayu lain.

Maka di sini sudah tentu akan timbul soalan apakah perbedzaannya di antara sistem politik Negeri Sembilan dengan sistem politik negeri-negeri Melayu lain. Pada dasarnya, perbedaan cukup tajam. Di negeri-negeri Melayu lain, Yang Dipertuan merupakan wibawa tertinggi dalam sistem politik. Semua pembesar dan rakyat patuh kepada Yang Dipertuan dan bagindalah yang memberikan kekuasaan kepada setiap pembesar. Titah dan bagindalah yang memberikan kekuasaan kepada setiap pembesar. Titah Yang Dipertuan adalah mutlak. Di Negeri Sembilan, menurut adat, anak buahlah yang memegang wibawa — maka

Bulat anak buah menjadi buapak,  
Bulat buapak menjadi lembaga,  
Bulat lembaga menjadi penghulu,  
Bulat penghulu menjadi Raja.

Dan "Raja itu tiadalah bernegeri". Oleh sebab itulah, sistem politik Negeri Sembilan pernah disebutkan sebagai suatu demokrasi — Raja tidak mempunyai wibawa mutlak dan anak buah, walaupun hanya dengan cara tak langsung, dapat melantik dan menentukan ketua-ketua mereka termasuk Raja.

### Sistem Politik Pada Amalannya

Tetapi sistem politik dari segi adat dengan perjalanan sistem itu merupakan dua perkara yang tidak semestinya memperlihatkan persamaan yang ketara. Sejarah Negeri Sembilan menunjukkan bahawa konflik dan persaingan kuasa yang seringkali berlaku di negeri-negeri Melayu lain dialami juga oleh Negeri Adat Perpatih ini. Sistem politik Negeri Sembilan yang tidak menyerahkan wibawa mutlak kepada Yang Dipertuan Besar dan di samping itu memberikan hak-hak yang tertentu kepada anak buah memang bertujuan menimbulkan suatu keadaan yang lebih adil serta mengurangkan kemungkinan untuk berlakunya konflik politik. Tetapi setakat manakah berkesannya adat dan undang-undang bergantung kepada setakat manakah manusia sanggup menerima perkakas-perkakas sosial tersebut. Di Negeri Sembilan, sebagaimana di masyarakat mana-mana sahaja, aturan-aturan asal itu dicabar dari masa ke masa.

Faktor utama yang memberi kesan penting kepada sistem politik ialah kemunculan suatu kelas anak raja tempatan di Negeri Sembilan akibat daripada perkahwinan diantara anak-anak raja dari Pagar Ruyung dengan orang tempatan. Sebagai suatu kelas tertentu, walaupun di dalam masyarakat Adat Perpatih, anak raja tempatan mempunyai status yang tinggi, maka tidak hairanlah, dari masa ke masa mereka menegaskan kedudukan mereka iaitu mereka cupa memperolehi kuasa politik yang lebih konkret. Ini hanya biasa dapat dicapai dengan memegang jawatan-jawatan yang tertentu. Oleh demikian persaingan berlaku. Beberapa contoh dapat diberikan.

Pada tahun 1798 telah dicipta suatu jawatan baharu — Yang Dipertuan Muda. Ini diserahkan kepada Raja Asil putera Raja Adil yang merupakan Yam Tuan Besar yang kedua di Negeri Sembilan. Dan walaupun pada asalnya Raja dikatakan "tiada bernegeri", Tampin diserahkan kepada Yang Dipertuan Muda sebagai pegangannya. Tambahan pula satu pertiga daripada cukai yang dikenakan atas perdagangan bijih timah di antara Sungai Linggi dengan Sungai Ujung diberikan kepada Yam Tuan Muda sebagai saranya. Bukan Raja Asil seorang sahaja yang dilantik sebagai Yam Tuan Muda. Seorang lagi putera Raja Adil iaitu Raja Sabun kemudian dianugerahkan gelaran Yang Dipertuan Muda Jelebu. Kalau diperhatikan bahawa ibu Raja Asil ialah seorang Tampin dan ibu Raja Sabun adalah anak Datuk Penghulu Jelebu, maka penciptaan gelaran-gelaran baharu itu dan hakikat bahawa wibawa setiap orang pemegang terhad kepada kawasan dari mana ibunya berasal menunjukkan usaha-usaha untuk menjamin kestabilan politik tetapi tindakan yang dilakukan itu pada dasarnya selaras juga dengan Adat Perpatih.

Tetapi percubaan untuk mengelakkan konflik kurang berjaya juga kerana pada awal abad yang ke 19, kedudukan Raja Asil dicabar oleh Raja Ali yang sesungguhnya merupakan putera kepada seorang Bugis (Raja Aman) dari Selangor. Berasaskan sumber-sumber yang dapat dijumpai, salasilah Raja Ali adalah seperti yang berikut:



Pada 1820an, Raja Ali muncul sebagai anak raja yang sangat berpengaruh setelah ia berjaya merampas gelaran Yam Tuan Muda daripada Raja Asil pada tahun 1812. Maka setelah Yam Tuan Besar Raja Lenggang Laut mangkat pada tahun 1824, Raja Ali cuba menghalang perlantikan Yamtuhan Besar baharu dari Pagar Ruyung. Walaupun percubaan awal itu tidak berjaya dan Raja Labu tiba dari Pagar Ruyung untuk memegang jawatan Yamtuhan Besar, keadaan politik Negeri Sembilan kucar-kacir. Pada tahun 1832 Raja Labu diusir. Tetapi pada masa itu timbul seorang lagi anak raja yang berpengaruh iaitu Raja Radin, putera Yamtuhan Besar Raja Lenggang Laut yang seperti Raja Ali mempunyai cita-cita menjadi Yang Dipertuan Besar Negeri Sembilan. Mulai masa itu perebutan kuasa senantiasa berlaku yang juga melibatkan para Datuk Penghulu kerana masing-masing menyokong calun yang berasingan. Dalam pada itu anak raja yang bertujuan menjadi Yang Dipertuan (Besar atau Muda) telah juga cuba dengan segala daya upaya untuk mempengaruhi perlantikan Datuk Penghulu bagi menjamin supaya orang yang dilantik akan menyokong mereka.

Jelas sekali walaupun, pada dasarnya, sistem penggantian di tiap-tiap peringkat memang berasaskan aturan-aturan yang rapi, apabila tiba sahaja masa untuk diadakan perlantikan, persaingan dan perebutan kuasa tak dapat dielakkan. Maka sistem demokratis itu dengan sendirinya melahirkan keperihalan di mana mereka yang berhak untuk memegang satu-satu gelaran terpaksa bertanding sama sendiri dan walaupun masyarakat cuba mencari jalan untuk menimbulkan kestabilan, lama kelamaan keruntuhan sistem politik berlaku juga. Pada tahun 1869 akibat perebutan kuasa diantara Tengku Antah dengan Tengku Ahmad Tunggal, Kerajaan Negeri Sembilan telah bubar. Sebenarnya, faktor-faktor yang membawa kepada perpecahan itu amat komp'eks dan tidak dapat dibincangkan dalam kertaskerja ini. Tetapi apa yang sudah dinyatakan adalah memadai untuk menunjukkan bahawa sistem politik Negeri Sembilan yang begitu rapi itu juga menghadapi krisis pada akhirnya. Maka pada tahun-tahun 1860an dan 1870an keadaan politik di Negeri Sembilan tidak jauh berbeza dengan keadaan yang wujud di Perak atau Selangor. Ini merupakan suatu faktor mustahak yang memberi kesempatan kepada British untuk bertapak di Negeri Sembilan.

### Birokrasi di Negeri Sembilan

Sistem pentadbiran curak barat mula-mula sekali diperkenalkan di Negeri Sembilan pada pertengahan 1870an iaitu di Sungai Ujung dan dengan beransur-ansur meliputi seluruh Negeri Sembilan. Proses itu memakan masa 20 tahun. Sebagaimana di negeri-negeri Melayu lain, pada dasarnya, British tidak cuba meng-

ubah struktur politik Bumiputra secara radikal. Telah disebutkan bahawa masa British mulai campuriangan di Sungai Ujung, Negeri Sembilan telah berpecah-belah. Maka di samping memperkenalkan sistem pentadbiran baharu, British telah juga menyatukan semula Kerajaan Negeri Sembilan, langkah yang pertama ialah dengan melantik Tengku Antah sebagai Yang Dipertuan Besar.

Dasar British tertumpu kepada penggunaan institusi-institusi sosial dan politik Bumiputra untuk menjamin supaya orang Melayu sendiri tidak membantah pembaharuan-pembaharuan yang diperkenalkan oleh British. Bagi British kejayaan ekonomi adalah matalamat yang paling mustahak sekali. Maka pembaharuan-pembaharuan yang diperkenalkan hanya sekadar mana yang diperlukan oleh permintaan ekonomi. Walau bagaimanapun, British harus membuat beberapa perubahan kepada sistem politik kerana jelas kelihatan keadaan yang asal itu tidak mendangkan kesetabilan politik dan tanpa kesetabilan politik perkembangan ekonomi adalah mustahil. Oleh demikian British turut mendirikan sebuah kerajaan pusat yang lebih kuat, lengkap dengan alat perkakas seperti pasukan polis untuk menjamin supaya pihak-pihak lain selain daripada kerajaan pusat tidak mempunyai kesempatan untuk menggunakan kekerasan. Terutama sekali ini merupakan penghapusan kuasa para pembesar. Maka walaupun persaingan masih dibenarkan berlaku dalam sistem penggantian, keadaan itu dapat dikawal oleh kekuatan kerajaan pusat supaya persaingan tidak membawa kepada kekacauan politik. Kerajaan pusat pula dikendalikan oleh British dengan mengekalkan Yang Dipertuan Besar sebagai wibawa tertinggi dalam sistem politik dan orang yang sebenarnya memegang kuasa politik adalah Residen British. Tindakan kedua yang dilakukan oleh British ialah dengan mengambil alih hak mengutip hasil dan cukai. Ini juga membantu British mengurangkan kuasa para pembesar kerana tanpa kebebasan untuk membolot kekayaan negeri, para pembesar tidak dapat melancarkan perperangan seperti dahulu. Maka pada dasarnya apa yang sebenarnya dikekalkan oleh British ialah organisasi sosial masyarakat tempatan. Status sosial dan prestig pembesar tetap dipelihara supaya orang Melayu kurang merasai perubahan-perubahan yang berlaku. Ini adalah untuk menjamin supaya orang Melayu tidak bangkit menentang rejim baharu itu dan pada keseluruhannya kaedah British itu mencapai kejayaan yang besar. Walau bagaimanapun, masyarakat Melayu bukanlah masyarakat tertutup, oleh demikian pada abad yang ke 20 dengan beransur-ansur timbul kesedaran juga tentang keadaan yang sebenarnya. Tetapi perkara ini tidak perlu dibincangkan di sini.

## Ulasan

Tujuan utama kertas kerja ini ialah untuk menunjukkan betapa besarnya perbezaan di antara teori dan amalan dalam sistem politik. Tidak dapat dinafikan, sebagai suatu sistem yang berdasarkan adat, organisasi politik di Negeri Sembilan memperlihatkan kepintaran orang yang telah mereka sistem itu. Sistem itu bukan hanya rapi dan *sophisticated* tetapi ia mempunyak matalamat-matalamat yang mu'ai. Tidak seperti sistem politik di negeri-negeri Melayu lain yang bersifat otokratis dan *authoritarian* sistem politik Negeri Sembilan mengandungi unsur-unsur demokratik. Ia cuba menimbulkan sebuah masyarakat yang lebih *egalitarian*. Tetapi, sebagaimana dikatakan "the spirit of the constitution" dengan amalannya senantiasa tidak bertembung. Setakat manakah berkesannya adat, undang-undang dan perlembagaan bergantung kepada sejauh manakah orang yang terlibat sanggup menerima aturan-aturan yang telah disusun.

Tetapi di sini harus dititikberatkan bahawa kekacauan yang berlaku di Negeri Sembilan, sebagaimana juga di negeri-negeri Melayu lain, bukan berakibat daripada keengganinan orang untuk menerima apa yang telah diadakan. Tetapi dalam proses mencari ikhtiar bagi memenuhi cita-cita sendiri, mereka telah mengexploitkan kelemahan-kelemahan di dalam sistem yang telah ditetap-

kan dan memang tidak ada suatu sistem di dalam dunia ini yang sempurna. Dalam pada itu sejarah Negeri Sembilan memperlihatkan dengan jelas percubaan-percubaan untuk memperbaiki sistem itu sehingga beberapa tolak unsur terpaksa dicapai, misalnya, dengan memberikan hak-hak yang semakin luas kepada Yang Dipertuan Besar dan anak raja walaupun pada asalnya Raja hanya akan berfungsi sebagai lambang keadilan dan keutuhan kerajaan. Maka kekacauan politik di Negeri Sembilan dan di negeri-negeri Melayu lain tidak sampai ke peringkat anarki. Mereka yang bersaing dan berebut-rebut untuk membolot kuasa senantiasa bergerak di dalam struktur yang asas pada organisasi masyarakat. Oleh demikian kita dapatkan *structural change* dalam masyarakat Melayu bukanlah suatu perkara yang berancang.

Di antara tulisan-tulisan yang amat bernilai tentang masyarakat dan sejarah Negeri Sembilan termasuk:

Abdul Ghani bin Shamaruddin.

'Undang Luak Jelebu — Adat Pertabalan'  
*Bahasa*, Jilid 2, Bil. 1, 1959.

Abdul Rahman bin Haji Mohammad,

Dongeng-dongeng Negeri Sembilan, Kuala Lumpur, 1964.

Abdul Samad Idris (ed.),

*Negeri Sembilan dan Sejarahnya*, Kuala Lumpur, 1968.

R. N. Bland,

'Aturan Sungai Ujung' *Journal of the Straits Branch Royal Asiatic Society*, No. 28, 1895.

P. E. de Josselin de Jong, Mina

*Minangkabau and Negeri Sembilan. Sociopolitical Structure in Indonesia*, Leiden, 1952.

D. F. A. Hervey, 'Rembau' *JSBRAS*, No. 13, 1884.

Diane Lewis,

'Inas: A study of Local History', *Journal of the Royal Asiatic Society Malayan Branch*, vol. 33, pt. 1, 1960.

M. Lister,

'The Negeri Sembilan: their origins and constitution' *JSBRAS*, No. 19, 1887.

J. E. Nathan & R. O. Winstedt,

'Johol, Inas, Ulu Muar, Jempul, Gunung Pasir and Terachi, their history and constitution'

*Papers on Malay Subjects*, 2nd series, 4, 1941.

T. J. Newbold,

*Political and Statistical Account of the British Settlements in the Straits of Malacca*, London, 1839, 2 vols.

R. J. Wilkonson,

'Sungei Ujung'

*JSBRAS*, No. 83, 1921.

GAMBAR-GAMBAR SEKITAR PAMIRAN SEJARAH  
NEGERI SEMBILAN 1hb. — 6hb. APRIL, 1974



Yang Amat Berhormat Datuk Mansor bin Othman, Menteri Besar Negeri Sembilan sedang mendengar penerangan mengenai Model Istana Ampang Tinggi yang disediakan oleh Sekolah Menengah Vokesyenal, Ampangan, Seremban, selepas Yang Amat Berhormat merasmikan pembukaan Pamiran Sejarah. Kelihatan dalam gambar, dari kiri Y.B. Encik Mohd. Saffian bin Haji Abdul Majid, Yang Dipertua Persatuan Sejarah Malaysia Cawangan Negeri Sembilan, Setiausaha Encik Ismail bin Haji Adnan, dan Naib Yang Dipertua Encik Idris bin Haji Tain.



Sekolah Menengah Tunku Kurshiah, Kuala Pilah telah menyediakan projek istiadat perkahwinan orang-orang Melayu Negeri Sembilan di zaman lampau di dalam Pamiran Sejarah.